

Falsafah dan Kebudayaan -----

Masalah *Qadā'* dan *Qadr*

(4)

Dalam siaran yang keempat ini, Qalam menyajikan penjelasan Faḍīlat al-Ustādh Al-Sharbasi mubaligh Islam yang kenamaan. Selain daripada menjadi Setiausaha Jabatan Fatwa Al-Azhar, beliau juga menjadi pimpinan *Jam'iyyah al-Shabbān al-Muslimīn* (Persekutuan Pemuda Islam) yang berpusat di bandar Kaherah.

Dalam penjelasan ini beliau telah menangkis tuduhan orang-orang Barat dan murid-murid mereka yang mengatakan bahawa iktikad kepada “Qadā’ dan Qadr” membawa kemunduran. Apa dia qadā’ dan qadr itu, apa erti “*tawakkal*” atau berserah kepada takdir Tuhan, semuanya itu dijelaskan satu persatu di dalam majalah “*Liwā’ al-Islām*” Mesir dan terjemahannya seperti berikut. Pengarang Qalam.

Penjelasan al-Ustādh al-Sharbasi:

Tuduhan yang demikian itu yang telah dilemparkan oleh orang-orang Barat dan pengikut-pengikut mereka kepada kita, jelas kelihatan dustanya. tetapi saya mengakui bahawa salah faham dari kebanyakan orang Islam tentang masalah *qadā’* dan *qadr* adalah menjadi sebab yang menghalangi mereka daripada mencapai tingkatan yang agama Islam menghendaki supaya mereka dapat mencapainya. Orang Islam telah melalui masa-masa yang lanjut lagi gelap, yang menjadikan akal mereka membeku kerana perkara-perkara karut yang telah dihidangkan kepada mereka oleh orang-orang yang mengelirukan dalam pengajaran Islam atau yang memperniagakannya, dengan tujuan hendak memutuskan perhubungan orang-orang Islam dan cita-cita mereka daripada dunia, dan memutuskan cita-cita mereka

pada hari akhirat semata-mata. Padahal Islam ialah suatu agama untuk dunia dan akhirat. Islam juga menjadikan dunia yang kuat lagi makmur sebagai jambatan bagi hari akhirat. Seseorang itu tidak akan melalui titian atau jambatan melainkan setelah ia yakin tentang teguh dan tetap letak jambatan itu.

Perbincangan tentang kemosyikilan *qadā’* dan *qadr* ialah suatu perkara yang telah lama wujudnya, dan perbincangan tentang itu banyak sekali timbul, terutama dalam kalangan umat Islam dan umat Kristian. Dan nampaknya kebanyakan perbincangan yang berlaku di sekitar masalah *qadā’* dan *qadr*, lazimnya timbul ketika tidak dapat

menghasilkan apa yang dikehendaki, atau kerana gagal daripada mencapai apa yang dicita-citakan, atau kerana terjatuh dalam suatu perkara yang menyulitkan, atau kerana menghadapi suatu ujian atau kemosyikilan yang menjadikan manusia lemah daripada menyelesaiannya. Adapun dalam masa dapat mengeluarkan hasil dan mencapai kejayaan, dan dalam masa pekerjaan yang dihadapi dapat dijalankan terus-menerus serta dapat taufik pula dan dapat mencecap faedahnya, maka pada saat itu tidak ada masa untuk memperbincangkan masalah (*qadā'* dan *qadr*) yang tersebut. Kerana pekerjaan yang sedang dijalankan itu tidak memberi kesempatan kepada orang yang mengerjakannya untuk menghabiskan masanya yang berharga dalam pertengkaran yang tidak berfaedah, dan kerana sesuatu kejayaan lazimnya membawa kepada kejayaan yang lain pula. Oleh itu kemosyikilan tentang masalah *qadā'* dan *qadr* itu tidak akan timbul melainkan ketika orang-orang yang suka membincangkan itu menganggur, atau kerana mereka dikehendaki supaya menjauahkan diri dari lapangan hidup dan medan pekerjaan yang mendatangkan hasil.

Dalam masalah “*qadā'* dan *qadr*” (masalah berserah kepada takdir) ini, lazimnya terpakai tiga perkataan (yang disebut dalam bahasa Arab): “*al-tawakkal*”, “*al-tawākul*” dan “*al-itkāl*”.

“*Al-tawakkal*” maksudnya, sebagaimana yang dikenal oleh alim ulama, ialah menaruh yakin akan apa yang ada di sisi Allah ‘azza wa jalla, dan berputus asa terhadap apa juu yang ada dalam tangan orang lain.

“*Al-tawākul*” pula, maksudnya: Tiap-tiap seorang meletakkan bebannya atas bahu orang lain.



Tengku Yafath Ham (Langkat), pensyarah di Universiti Sumatera Utara, sedang membaca khutbah Hari Raya Aidilfitri di tanah lapang – kawasan – Council General Indonesia di Singapura.

Walaupun hujan turun pada saat itu tetapi sekalian maknum tidak berganjak dari tempat masing-masing.

Tengku Yafath Ham juga telah bersyarah di rumah Jam iyyah al-Da’wah al-Islamiyyah Singapura, menghuraikan bagaimana Rasulullah ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam – dengan kitab suci al-Qur'an, telah membawa perubahan yang besar kepada dunia seluruhnya.

Manakala “*al-itkāl*” pula, (menurut makna yang lazim dipakai) ialah berserah dan meletakkan harap kepada orang lain, dan tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab sendiri.

Oleh sebab “jalan yang lurus” yang membolehkan tercapainya makna “*tawakkal*” (berserah yang tidak menyalahi

ajaran Islam), kedapatan di tepinya sebatang jalan bengkok yang bernama “*al-itkāl*”, dan di sebelah tepinya yang satu lagi kedapatan sebatang jalan yang memesong ke arah lain bernama “*al-tawākul*” (*tawākul*), menjadikan soal berserah kepada takdir ini “samar” dan tidak dapat dibezakan (di antara jalan yang betul dengan jalan yang salah) oleh kebanyakan orang-orang awam. Inilah yang menyebabkan mereka terbiasa daripada menurut jalan “*tawakkal*” yang betul, kepada jalan “*tawākul*” dan “*al-itkāl*” yang salah. Kalaualah mereka tetap di atas “*tawakkal*” yang lurus itu, nescaya mereka akan menaruh sepenuh-penuh yakin kepada Tuhan, dan berusaha serta berikhtiar dengan sehabis daya upaya, bahkan mereka akan percaya dengan sepenuh-penuh iman: Bahawa mereka mempunyai Tuhan – iaitu Allah ‘azza wa jalla – yang memberi pertunjuk kepada mereka, dan membantu mereka, serta menghitung amal mereka satu persatu.

Kesimpulannya, masalah *qadā’* dan *qadr*; itu ialah suatu gambaran bagi pengliputan ilmu Allah ‘azza wa jalla dan kudrat-Nya, dan kehalusan takdir-Nya serta ketinggian hikmah-Nya. Dialah yang mengetahui segala-galanya, hinggakan rayapan sesuatu yang hitam pada malam hari yang gelap gelita, sebagaimana yang dijelaskan oleh firmanNya:

Wa ‘indahu mafātihih al-ghaybi lā ya ‘lamuhā illā huwa, wa ya ‘lamu mā fī al-barri wa al-bahr; wa mā tasquṭu min waraqatin illā ya ‘lamuhā wa lā habbatin fī zulmāti al-ard wa lā rātbin wa lā yābisin illā fī kitābin mubīn.

Ertinya: “Dan di sisi-Nya (Allah Ta‘ālā) anak-anak kunci perkara yang ghaib, tiada yang mengetahui melainkan Ia, dan Ia mengetahui akan apa yang di darat dan di laut, dan tidak gugur sehelai daun melainkan Ia

mengetahuinya, dan tidak juga (gugur) sebiji (buah) pada bumi yang gelap gelita dan tidak juga (sebarang benda) yang basah dan yang kering melainkan (sedia termaktub) di dalam kitab yang nyata”.

Tetapi golongan-golongan yang memperniagakan agama yang disebutkan tadi (yang telah memesangkan pengertian tentang berserah kepada takdir itu), mereka kedapatan memberi sebab-sebab tentang wujudnya kelemahan, kepercayaan yang salah dan perbuatan lepas bebas daripada tugas dan kewajipan, mereka memberi sebab-sebabnya dengan menggunakan rangkaian kata yang telah menjadi buah mulut orang ramai, yang berbunyi:

“*Wuḍi ‘a al-‘ibād fī mā arād*” (Tuhan telah meletakkan sekalian hamba-Nya pada barang yang dikehendaki-Nya).

Benar, Allah ‘azza wa jalla telah meletakkan sekalian hamba-Nya pada barang yang dikehendaki-Nya untuk mereka, lalu dikurniakan-Nya mereka akal dan pancaindera, tenaga dan usaha, serta kebolehan untuk membezakan di antara perkara yang baik dan jahat. Oleh kerana seseorang manusia mempunyai pemberian-pemberian Allah, yang jelas nyata itu, dan dapat pula dia menggunakan maka dia bertanggungjawab dengan berdasarkan akal dan nas-nas syarak akan natijah yang timbul dari penggunaannya itu, seperti yang dijelaskan oleh firman Allah Ta‘ālā: *Fa man ya ‘mal miithqāla dharratin khayranyarah, wa man ya ‘mal miithqāla dharratin sharranyarah.* (Maka barangsiapa melakukan perbuatan yang baik seberat zarah: Ia akan dapat melihatnya, dan barangsiapa melakukan perbuatan yang jahat seberat zarah: Ia juga akan dapat melihatnya).

Sebaik-baik keterangan yang menggambarkan hakikat “*tawakkal*” (yang sebenar-benarnya) ialah sabda Nabī ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam:

*“Law tawakkaltung ‘alā Allāhi ḥaqqa tawakkulihī larazaqakum kamā
yarzuqu al-ṭayra taghdū khimāsan (jā’i ‘ah) wa tarūḥu biṭānan
(mumtala’ah).*

Ertinya: “Kalau kamu bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakal yang dipertahankannya nescaya Ia mengurniakan kamu rezeki sebagaimana rezeki yang dikurniakan kepada burung-burung. Burung-burung itu keluar berpagi-pagi (mencari makan) dalam keadaan lapar, lalu kembali dalam keadaan kenyang.”

Jelasnya, burung-burung sendiri tidak bertawakal secara salah (dan tinggal diam di dalam sarangnya), tetapi dia terbang ke sana ke mari mencari makan, dia terbang mencari makan itu sudah tentu dengan kuasa Allah ‘azza wa jalla. Dengan ini nyatakan bahawa “*tawakkal*” atau

“berserah” yang sebenar-benarnya kepada Allah ‘azza wa jalla ialah “kemaraan” seorang Mukmin yang kuat, “kemahuan” seorang yang berazam dan berakal, “amal usaha” seorang yang bijaksana, “khidmat-khidmat yang mulia” dalam lapangan kebajikan, dan “pendakian tinggi” dengan tangga-tangga kejayaan, berserta dengan iman yang *jazam* (tegas dan bulat sebulat-bulatnya) bahawa kita bukanlah seorang diri, bahkan disertai oleh inayah Allah ‘azza wa jalla. Dan kita juga bukanlah berusaha dengan tenaga dan daya kita semata-mata, bahkan selain daripada itu ialah dengan kudrat Allah yang Maha Kuasa.

(Dalam bilangan yang akan datang, Qalam – in shā’ā Allāh – akan menyajikan penjelasan Faḍlāt al-Ustādh Muhammad Abu Zahrah, Mesir, sebagai penutup).

Pelajar-pelajar dari Selatan Siam yang

**sedang berada di Kelantan, bergambar ramai
dengan saudara Husin Abdul Rahman
Fattani, yang akan melanjutkan pelajarannya
ke Mesir dengan perbelanjaan sendiri.**

**Saudara Husin telah belayar dengan kapal
pertama dari Vàng Nara baharu-baharu ini.**

Duduk dari kanan, saudara-saudara:

**Ahmad Husin, Husin Abdul Rahman
(yang diraikan) dan Ahmad Abdullah.**

Berdiri dari kanan, saudara-saudara:

**Hasan Husin, Abdul Halim Haji Ahmad,
Abdul Shukur Taib (semuanya dari
Pattani), dan Uthman Haji Abdul Rahman
(Jala). Kiriman Hamdi P. R.**

Thailand.

